

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 60**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan

- (a) statistik jualan kenderaan persendirian pada tahun 2018; dan
- (b) perkembangan perancangan Kementerian menyelesaikan masalah akses kepada pengangkutan awam untuk rakyat terutamanya di kawasan luar bandar dan pelan menyelesaikan isu 'last end mile connectivity' bagi penduduk bandar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan laporan Persatuan Automotif Malaysia (Malaysian Automotive Association – MAA), bilangan jualan kenderaan penumpang (passenger vehicle) pada tahun 2018 adalah sebanyak 533,202 unit.
2. Perkhidmatan bas berhenti-henti merupakan mod pengangkutan awam utama di kawasan luar bandar. Pengendali bas berhenti-henti mengalami banyak kerugian apabila memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang permintaan. Perkhidmatan di laluan-laluan sosial ini walaubagaimanapun dapat diteruskan dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan melalui skim Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF). Melalui skim ini pengendali-pengendali bas berhenti-henti menerima bantuan untuk memastikan perkhidmatan untuk laluan sosial ini dapat diteruskan.
3. Selain daripada itu, Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif terbaru pada 1 April 2019 dengan pelaksanaan diskaun kadar tambang sebanyak 20% bagi perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Ini adalah untuk memastikan faedah dan kemudahan yang sama turut diperolehi oleh rakyat di kawasan luar bandar (perkhidmatan komuter di sektor Utara dan Selatan selain di Lembah Kelang).
4. Pemberian diskaun tersebut merangkumi semua jenis kadar tambang secara tunai mahupun cashless dan dijangka akan memanfaatkan kira-kira 94,000 penumpang komuter di 5 jajaran iaitu Padang Rengas – Butterworth, Butterworth – Padang Besar, Port Klang – Tanjung Malim, Seremban – Batu Caves dan Sungai Gadut – Tampin.
5. Pelaksanaan diskaun kadar tambang ini diyakini akan dapat meningkatkan jumlah penumpang komuter antara 120,000 ke 130,000 pengguna sehari.

6. Sementara itu adalah dasar Kementerian untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), pengendali bas berhenti-henti dan e-hailing dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan “first and last mile” yang akan menghubungkan pengguna ke destinasi akhir mereka.
7. Kementerian juga sedar akan saling hubungkait antara perancangan pengangkutan awam dan perancangan bandar dan wilayah samada di peringkat negeri atau di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kementerian telah banyak mengadakan hubungan rapat dan kerjasama dengan kerajaan negeri dan PBT bagi memastikan perancangan yang lebih holistic dengan menyediakan stesen-stesen yang mudah diakses serta selamat dan selesa melalui penyediaan bas pengantara, laluan pejalan kaki, laluan basikal serta fasiliti-fasiliti berkaitan. Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan serta Agensi Pengangkutan Awam Darat merupakan ahli jawatankuasa pengangkutan awam darat di peringkat negeri.

Sekian, terima kasih.